



RENCAH MUTIARA 2021



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI PULAU PINANG

RENCAH MUTIARA 2021

ISI KANDUNGAN

02 PERUTUSAN PENGARAH

06 PROFIL JABATAN

11 PENGURUAN ATASAN

15 WARGA KERJA JPSPP

24 PENGURUSAN KEWANGAN

31 PENGURUSAN ADUAN

34 RUMUSAN PROJEK 2021

41 AKTIVITI DAN PROGRAM

64 KERATAN AKHBAR

71 ANUGERAH DAN
PENCAPAIAN

74 PEGAWAI BERTUKAR
DAN BERSARA

81 SIDANG REDAKSI



IR Zainuddin Bin Yusoff

PERUTUSAN PENGARAH

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATU.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah dapat menjalankan fungsinya dengan baik dan cemerlang pada tahun 2021.

Justeru, bagi mengabadikan kenangan dan rentetan peristiwa sepanjang menyelusuri tahun 2021 ini, Jabatan telah mengambil peluang dan usaha untuk menerbitkan Laporan Tahunan 2021 yang merupakan dokumentasi maklumat dan sumber rujukan yang sangat penting ke arah nilai tambah kepada kualiti pelaporan perkhidmatan yang disampaikan oleh Jabatan ini sepanjang tahun.

Sejak penubuhannya pada tahun 1964, JPS Pulau Pinang secara berterusan telah berjaya mengorak langkah bagi merealisasikan hasrat kerajaan sama ada di peringkat negeri dan persekutuan merangkumi program pembangunan serta membantu mengatasi masalah dan cabaran yang berkaitan dengan pengurusan sumber air. Bagi memastikan peranan Jabatan sentiasa relevan sehingga masa akan datang, Jabatan ini sentiasa mendokong dan usaha Kerajaan Negeri didalam merealisasikan dasar atau matlamat yang telah dirangka ataupun yang baru selaras dengan perkembangan semasa.

Antaranya adalah mengambil peranan di dalam pelaksanaan "PENANG 2030" yang merupakan wawasan Kerajaan Negeri untuk memacu Negeri Pulau Pinang ke arah negeri pintar dan hijau berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Sehubungan itu, JPS Pulau Pinang amat komited dalam membantu Kerajaan Negeri mencapai wawasan 'PENANG 2030' melalui tema keempat wawasan ini iaitu Pelaksanaan Rancangan Penyesuaian Perubahan Iklim yang menekankan konsep pencegahan banjir dan saliran mesra alam melalui projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan.

Selain menyokong matlamat dan aspirasi Kerajaan Negeri, JPS Pulau Pinang juga tidak ketinggalan dalam mengambil bahagian untuk merealisasikan hala tuju negara diperingkat kebangsaan. Jabatan ini menyokong dan berpadu tenaga bersama JPS Malaysia yang bernaung di bawah Kementerian Alam Sekitar Dan Air dalam memperkasakan pengurusan air ke arah kesejahteraan negara melalui penyediaan dan pelaksanaan pelan serta kerja-kerja mitigasi bencana berkaitan air. Perkara ini dilaksanakan melalui pelaksanaan projek-projek mitigasi banjir, pemuliharaan sungai dan pantai serta Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) yang mampu memaksimumkan faedah sosio ekonomi bagi sumber air secara mampan dan pada masa yang sama memulihara dan mengembalikan semula ekosistem semulajadi sumber air.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas buat semua warga kerja JPS Pulau Pinang diatas usaha dan kejayaan yang dikecapi sepanjang tahun 2021 yang merupakan berkat kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua. Semoga penerbitan Laporan Tahunan 2021 ini dapat dijadikan sarana kepada kita semua untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada rakyat khususnya di Negeri Pulau Pinang ini.





PROFIL JABATAN



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI PULAU PINANG

VISI

Menjadi organisasi sektor awam
antara yang unggul di dunia.

MISI

Menerajui dan menyediakan perkhidmatan
bertaraf dunia dalam pengurusan sumber air
khususnya pengurusan banjir, sungai dan
zon pantai bagi meningkatkan kualiti hidup
dengan memastikan sekuriti air dan
kelestarian alam sekitar.

OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan kejuruteraan yang
di luar kemampuan sesuatu kumpulan sasar dan
seterusnya memastikan penggunaan tanah yang
optimum dan pengurusan air negara yang cekap.

CONTENT TITLE



PIAGAM PELANGGAN

Kami akan memberi perkhidmatan profesional yang berkualiti dalam perancangan, rekabentuk, pelaksanaan dan pengurusan semua program dan projek pengairan, saliran, kejuruteraan sungai, kejuruteraan pantai, hidrologi dan sumber air. Perkhidmatan kami adalah berasaskan prinsip-prinsip kejuruteraan yang kukuh dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan sosial.

FUNGSI : SALIRAN

PELANGGAN UTAMA : PEKEBUN KECIL

- Memastikan sistem saliran di kawasan-kawasan pertanian sentiasa berfungsi dengan berkesan.
- Menyiasat semua laporan kejadian banjir dan takungan air dalam tempoh 24 jam dan mengambil tindakan susulan sewajarnya.
- Mengkaji semua masalah operasi dan penyelenggaraan dan struktur-struktur kawalan dalam tempoh 48 jam dan mengambil tindakan secepat mungkin.
- Mengambil tindakan pembaikan kecemasan kepada kemudahan-kemudahan penting sekurang-kurangnya dalam tempoh 48 jam apabila berlaku kerosakan.

FUNGSI : PENGAIRAN

PELANGGAN UTAMA : PENANAM PADI

- Membekalkan air yang mencukupi bagi penanam padi mengikut jadual yang ditetapkan.
- Memberi notis awalan kepada petani sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum pindaan dibuat pada tarikh pemulaan jadual bekalan air jika berlaku kemarau atau sebab-sebab lain.

FUNGSI : KEJURUTERAAN SUNGAI

PELANGGAN UTAMA : PEDUDUK, PEMILIK HARTA DAN PETANI

- Memastikan sistem sungai supaya berada dalam keadaan hidraulik yang berkesan untuk mengurangkan kejadian banjir.
- Memberikan maklumbalas dan ulasan teknikal keatas perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan sungai dalam tempoh 48 jam.
- Memberi respon kepada semua aduan berkenaan masalah-masalah bersabit sungai dalam tempoh 48 jam.
- Mengambil tindakan pembaikan kecemasan untuk mengatasi masalah sungai dalam tempoh 48 jam.

FUNGSI : KEJURUTERAAN PANTAI

PELANGGAN UTAMA : PEDUDUK, PEMILIK HARTA DAN PETANI

- Memastikan sistem pengawalan hakisan pantai sentiasa berfungsi dengan berkesan.
- Memberi nasihat dan ulasan teknikal dalam tempoh 4 minggu terhadap semua laporan EIA dan pemohonan pembangunan di kawasan pantai.
- Mengambil tindakan pembaikan kecemasan dalam tempoh 48 jam untuk struktur/kemudahan pengawalan hakisan pantai yang mengalami kerosakan.

FUNGSI : HIDROLOGI DAN SUMBER AIR

PELANGGAN UTAMA : ORANG AWAM, JURUPERUNDING DAN AGENSI KERAJAAN

- Membekal data dan maklumat hidrologi yang berkualiti dan mencukupi dalam tempoh 48 jam.
- Memberi maklumbalas dan ulasan teknikal hidrologi dalam tempoh 1 minggu.
- Menyediakan ramalan aras sungai dengan 'Lead Time' yang mencukupi.

SALURAN ADUAN

Telefon: 04-650 5280
04-650 5356
Fax : 04-261 3435



didpenang@water.gov.my

@

epintas.penang.gov.my



water.spab.gov.my

Boleh didapati dikaunter
pejabat JPS



Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang
Tingkat 55, Komtar, 10000 Pulau Pinang.





PENGURUSAN ATASAN

PENGURUSAN ATASAN



PENGARAH
IR ZAINUDDIN BIN YUSOFF
J54



**TIMB. PENGARAH I
(SUNGAI & PANTAI)**
OOI SOON LEE
J52



**TIMB. PENGARAH II
(PENGAIRAN & SALIRAN)**
AHMAD KAMIL BIN JAMALUDIN
J52



**KETUA PENOLONG PENGARAH
(OPERASI)**
MOHD NAZARUDDIN BIN GHAZALI
J48



**KETUA PENOLONG PENGARAH
(KHIDMAT PENGURUSAN)**
HAFIZAH BINTI AHMAD
M48

PENGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



PENOLONG PENGARAH KANAN
(PENGURUSAN BANJIR)
YOGENDREN A/L GANAPATHY
J44



PENOLONG PENGARAH KANAN
(PENGAIRAN & SALIRAN)
MOHD FADHIL BIN AHMAD
J44



PENOLONG PENGARAH
(MEKANIKAL & ELEKTRIKAL)
KHAIRUL AIDIL BIN NORDIN
J41



PENOLONG PENGARAH
(SUNGAI & PANTAI)
SURIANI BINTI LAZIM
J41



PENOLONG PENGARAH
(SUMBER AIR, HIDROLOGI & ASET)
IR. MOHD SUHAIRI BIN RAMLI
J41



PENOLONG PENGARAH
(KORPORAT)
IR. MOHAMAD HAFIZUL BIN HAMID
J44



PENOLONG PENGARAH
(UKURAN BAHAN & KONTRAK)
NUR FAYIZAH BINTI MOHAMAD ALI
J41

JURUTERA DAERAH



JURUTERA DAERAH
(SPU)
IR. MOHAMAD ADHAR BIN YAHYA
J44



JURUTERA DAERAH
(SPT)
MOHD NASYARUL BIN AHMAD RIZAN
J41



JURUTERA DAERAH
(SPS)
MOHD KAMARUL BIN MOHD NOH
J41



JURUTERA DAERAH
(DBD)
MOHAMED RIZAL BIN SALIM
J41



JURUTERA DAERAH
(DTL)
IR. MUHAMMAD ZAMRI BIN UZNI
J41





WARGA KERJA
JPS Pulau Pinang



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



BAHAGIAN KORPORAT



BAHAGIAN SUNGAI DAN PANTAI



BAHAGIAN SUMBER AIR DAN HIDROLOGI



BAHAGIAN ASET



BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN



BAHAGIAN UKUR BAHAN DAN KONTRAK



BAHAGIAN PERKHIDMATAN
MEKANIKA DAN ELEKTRIKAL



DAERAH SEBERANG PERAI UTARA



DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH



DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN



DAERAH BARAT DAYA



DAERAH TIMUR LAUT

RINGKASAN DATA PERJAWATAN JPS PULAU PINANG TAHUN 2021

PEKARA	BIL PERJAWATAN	JUMLAH PENGISIAN	PERATUS PENGISIAN %
Profesional & Pengurusan	15	14	96
Sokongan 1	71	71	100
Sokongan 2	373	345	92.5
Jumlah	459	430	93






PENGURUSAN KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN 2021




PERUNTUKAN PEMBANGUNAN JPS 2021



LAPORAN KEWANGAN PEMBANGUNAN NEGERI MENGIKUT DAERAH

PERUNTUKAN SEBENAR (RM)


■ JPS DTL ■ JPS DBD ■ JPS SPU ■ JPS SPT ■ JPS SPS ■ BSP ■ BSAH



P08	DAERAH	PERUNTUKAN SEBENAR (RM)
1	Daerah Timur Laut	3,800,000.00
2	Daerah Barat Daya	2,200,000.00
3	Seberang Perai Utara	4,100,000.00
4	Seberang Perai Tengah	2,750,000.00
5	Seberang Perai Selatan	2,950,000.00
7	Bahagian Pengurusan Banjir (BPB)	1,000,000.00
8	Bahagian Sumber Air & Hidrologi (BSAH)	790,000.00
	JUMLAH (RM)	17,590,000.00

PERBELANJAAN SEBENAR (RM)

■ JPS DTL ■ JPS DBD ■ JPS SPU ■ JPS SPT ■ JPS SPS ■ BSP ■ BSAH



P08	DAERAH	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Daerah Timur Laut	3,799,396.76
2	Daerah Barat Daya	2,200,000.00
3	Seberang Perai Utara	4,085,563.70
4	Seberang Perai Tengah	2,997,750.00
5	Seberang Perai Selatan	2,949,729.40
7	Bahagian Sungai & Pantai (BSP)	746,623.00
8	Bahagian Sumber Air & Hidrologi (BSAH)	789,981.50
	JUMLAH (RM)	17,569,044.36


PRESTASI KEWANGAN MENGIKUT PROGRAM – PERUNTUKAN PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN P33 & P21

BUTIRAN	NAMA PROGRAM	PERUNTUKAN DITERIMA	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
P33 13400	PROGRAM PEMBANGUNAN WATER BALANCE BAGI PENGURUSAN SUMBER AIR NEGARA (FASA 1)	175,557.50	175,557.50	100 %
P33 13900	PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA (FASA 2)	1,739,635.13	1,739,635.13	100 %
P33 14200	PENGUKUHAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN STRUKTUR AMPANG JAJAR, HEADWORKS, TIDAL CONTROL GATE, RUMAH PAM, JAMBATAN DAN STRUKTUR LAIN BERKAITAN	1,199,175.00	1,199,175.00	100 %
P33 14500	NAIKTARAF INFRASTRUKTUR MEKANIKAL & ELEKTRIKAL UNTUK KAWALAN BANJIR PELBAGAI NEGERI	3,708,765.60	3,708,765.60	100 %
P33 15000	KERJA-KERJA KECEMASAN DI LUAR JANGKA (SEBELUM DAN SELEPAS BANJIR)	499,990.20	499,990.20	100 %
P33 15300	PROJEK PEMULIHARAAN SUNGAI UNTUK MENGURANGKAN RISIKO BANJIR PELBAGAI NEGERI	599,460.00	599,460.00	100 %
P33 15300	PROJEK PEMULIHARAAN MUARA-MUARA SUNGAI DI PELBAGAI NEGERI	1,762,945.00	1,762,939.50	100 %
P33 15400	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR	1,150,000.00	1,150,000.00	100 %
P33 16700	RANCANGAN TEBATAN BANJIR LEMBANGAN SUNGAI PINANG	318,241.27	318,241.27	100 %
P33 16700	RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) PONDOK UPEH / SUNGAI BURONG, PULAU PINANG	85,506.46	85,506.46	100 %
P33 16700	RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) TELUK KUMBAR, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	4,980,000.00	4,980,000.00	100 %
P33 16700	RANCANGAN TEBATAN BANJIR TAMAN SIAKAP, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	3,720.00	3,720.00	100 %
P21 128000	MENAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN DAN SALIRAN DI SISTEM TALIAIR CA, C BLOK M3, SKIM PENGAIRAN SUNGAI MUDA, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	1,901,175.00	1,901,175.00	100 %
P21 128000	MENAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN SERTA LAIN-LAIN KERJA DBERKAITAN DI STESEN PENGAIRAN BUKIT MERAH SKIM EPNGAIRAN SUNGAI KULIM, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU	893,700.00	893,700.00	100 %

PRESTASI KEWANGAN MENGIKUT PROGRAM –
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN NEGERI VOT P08

BUTIRAN	NAMA PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
01	MENDALAM DAN MEMBAIKI SUNGAI <i>Pembangunan Lembangan Sungai (Mendalam Dan Membaiki Sungai)</i>	4,415,654.00	4,415,176.40	99.99 %
03	KERJA-KERJA KECIL UNTUK PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN <i>Rancangan Pengairan Dan Saliran Pertanian (Kerja-Kerja Kecil)</i>	1,748,805.00	1,734,529.50	99.18 %
09	PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BANGUNAN (BANGUNAN DAN KUARTERS) <i>Pembangunan Infrastruktur Bangunan (Bangunan-Bangunan dan Rumah-Rumah Untuk Pegawai Luar)</i>	1,338,486.00	1,336,515.50	99.85 %
42	RANCANGAN TALI AIR KECIL UNTUK PENGAIRAN <i>Rancangan Pengairan Dan Saliran Pertanian (Rancangan Tali Air Kecil)</i>	500,000.00	499,990.00	100.00 %
43	RANCANGAN PARIT KECIL UNTUK SALIRAN PERTANIAN <i>Rancangan Pengairan Dan Saliran Pertanian (Rancangan Parit Kecil)</i>	801,195.00	801,163.20	100.00 %
48	INFRASTRUKTUR PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN (JAMBATAN/LINTASAN/BAN) <i>Rancangan Pengairan Dan Saliran Pertanian (Jambatan-Jambatan dan Lintasan-Lintasan)</i>	500,000.00	499,891.00	99.98 %
51	PROJEK TEBATAN BANJIR <i>Rancangan Tebatan Banjir (Pencegahan Banjir)</i>	2,745,860.00	2,742,194.76	99.87 %
66	PEMBANGUNAN PANTAI (PENCEGAHAN HAKISAN PANTAI/REKREASI/PELANCONGAN) <i>Pembangunan Pantai (Pencegahan Hakisan Pantai)</i>	1,500,000.00	1,499,990.00	100.00 %
70	PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR M&E <i>Pembangunan Infrastruktur M&E (Rancangan Membaharui Struktur-Struktur Utama)</i>	2,250,000.00	2,249,600.00	99.98 %
72	PEMBANGUNAN KORIDOR SUNGAI (REKREASI DAN PELANCONGAN) <i>Pembangunan Lembangan Sungai (Pengindahan Tanah Air)</i>	300,000.00	300,000.00	100.00 %
78	PEMBANGUNAN SALIRAN MESRA ALAM <i>Rancangan Saliran Bandar Dan Luar Bandar (Rancangan Parit Utama)</i>	900,000.00	900,000.00	100.00 %
79	PEMBANGUNAN SUMBER AIR & HIDROLOGI <i>Pembangunan Sumber Air dan Hidrologi</i>	590,000.00	589,994.00	100.00 %
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		17,590,000.00	17,569,044.36	99.88 %

LAPORAN MENGURUS SEHINGGA 31 DISEMBER 2021



PERUNTUKAN PERBELANJAAN

11000 GAJI & UPAHAN
12000 ELAUN TETAP
13000 SUMBANGAN BERKANUN UNTUK KAKITANGAN
14000 ELAUN LEBIH MASA
15000 FAEDAH-FAEDAH KEWANGAN YANG LAIN
17000 BAYARAN IMBUHAN TAHUNAN & BANTUAN KEWANGAN

21000 PERBELANJAAN PERJALANAN & SARA HIDUP
22000 PENGANGKUTAN BARANG-BARANG
23000 PERHUBUNGAN & UTILITI
24000 SEWAAN
25000 BAHAN-BAHAN MINUMAN & MAKANAN
26000 BEKALAN BAHAN MENTAH & BAHAN-BAHAN UNTUN PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN

27000 BEKALAN BAHAN MENTAH & BAHAN-BAHAN
28000 PENYELENGGARAAN & PEMBAIKAN KECIL YANG LAIN
29000 PERLHIDMATAN IKHTISAS & PERKHIDMATAN YANG DIBELI & HOSTALPILITY
34000 KENDERAAN & JENTERA
35000 HARTA MODAL-HARTA MODAL YANG LAIN
47000 GANJARAN
52000 BAYARAN-BAYARAN LAIN





PENGURUSAN ADUAN





STATUS ADUAN TERKINI

BIL ADUAN TERIMA	260
BIL ADUAN DISELESAIKAN	260
PERATUS ADUAN DISELESAIKAN	100%
BIL ADUAN SELESAI < 15 HARI	245
PERATUS ADUAN SELESAI <15 HARI	94.2%

DASHBOARD SISTEM PEMANTAUAN ADUAN

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PULAU PINANG

KESELURUHAN JPS PULAU PINANG



KESELURUHAN JPS PULAU PINANG





RUMUSAN PROJEK 2021

MAKLUMAT PEROLEHAN 2021 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PULAU PINANG

<i>BAHAGIAN DAERAH</i>	<i>SEBUT HARGA</i>	<i>UNDI</i>	<i>LANTIKAN</i>
<i>JPS SPU</i>	63	05	36
<i>JPS SPT</i>	79	24	43
<i>JPS SPS</i>	68	38	63
<i>JPS DBD</i>	20	23	52
<i>JPS DTL</i>	52	13	25
<i>JPS BPME</i>	13	0	20
<i>JPS BSAH</i>	07	0	04
<i>JUMLAH</i>	302	103	243



RANCANGAN TEBATAN BANJIR PARIT 4

Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Pengenalan

Parit 4 adalah salah satu cabang anak sungai yang mengalir ke Sungai Juru. Parit 4 mempunyai keluasan tadahan seluas 6.62 km² dengan panjang 4.72 km. Sistem saliran Parit 4 juga merangkumi Sungai Juru *Borrow Pit* yang mempunyai keluasan 10.49 km² dan panjang 4.65 km. Kawasan tadahan Parit 4 melibatkan Taman Desa Damai, Kebun Sireh, Kampung Permatang Batu, Bandar Perda, Taman Jambu, Taman Semarak dan sebahagian kawasan Juru Autocity. Selain itu, Kampung Bukit Tengah, Taman Pelangi dan Kampung Tok Keramat pul terletak dalam kawasan Sungai Juru *Borrow Pit* yang turut menyumbang kepada pengalirannya ke Parit 4.



Mengenai Projek

Projek ini merupakan salah satu daripada tebatan banjir *high impact* yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dilaksanakan oleh pihak JPS Negeri Pulau Pinang. Perancangan projek bermula pada tahun 2016 berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rekabentuk rumah pam telah disiapkan tahun 2016 oleh perunding. Kerja fizikal dimulakan pada 16 Mac 2018 dan siap sepenuhnya pada 30 Mac 2021.

Skop Utama Projek

1. Pembinaan rumah pam (5 bay) dengan jumlah kapasiti pam 13.2m³/s (3 unit x 4.4m³/s)
2. Naiktaraf tebing Parit 4 (L-shape) sepanjang 1,270m.
3. Pembinaan jalan penyelenggaraan di Parit 4 sepanjang 1,270m.
4. Kerja perlindungan tebing Parit 4 sepanjang 168m.
5. Pembinaan struktur perangkat sampah.

Project Outcome

1. Mengurangkan risiko banjir di kawasan penempatan perumahan, kawasan komersial dan industri sepanjang jajaran Parit 4 iaitu daripada 5.22km² kepada 0.11km².
2. Membantu untuk mengurangkan beban kapasiti takungan di Sungai Juru *Borrow Pit* sepanjang 4.3km.





Pengenalan

Lembangan Sungai Juru terletak di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Sistem tadahan Sungai Juru meliputi seluas 65 km². Bandar utama yang terdapat dalam lembangan adalah Bukit Mertajam dan Bandar Perda. Parit 5 adalah salah satu daripada cabang anak Sungai Juru yang meliputi keluasan tadahan 2.16 km². Kawasan tadahaan Parit 5 adalah merangkumi kawasan penempatan antaranya Taman Sentul, Taman Sentul Jaya, Taman Bukit Minyak, Taman Pinang, Taman Mangga dan Perkampunan Juru.



Proses pemasangan screw pump



Kerja menaiktaraf tebing Parit 5

Mengenai Projek

Projek ini merupakan salah satu daripada tebataan banjir *high impact* yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dilaksanakan oleh pihak JPS Negeri Pulau Pinang. Perancangan projek bermula pada tahun 2015 berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rekabentuk rumah pam telah disiapkan tahun 2016 oleh perunding. Kerja fizikal dimulakan pada 16 Mac 2018 dan siap sepenuhnya pada 29 April 2021.



RANCANGAN TEBATAN BANJIR PARIT 5

Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang



Skop Utama Projek

1. Pembinaan rumah pam dengan kapasiti 5.0m³/s (2 unit x 2.5m³/s)
2. Naiktaraf tebing Parit 5 (L-shape) sepanjang 3,600m dan parit tanah sepanjang 250m.
3. Naiktaraf sistem perparitan dalaman sepanjang 1,030m.
4. Pembinaan *access bridge* dan *waterway bridge*
5. Pelabaran kolam *final discharge* berkeluasan 500m².

Project Outcome

1. Mengurangkan risiko banjir di kawasan penempatan perumahan, kawasan komersial dan industri sepanjang jajaran Parit 5 iaitu daripada 2km² kepada 0.2km².
2. Lebih daripada 90% kawasan penempatan iaitu Taman Mangga, Taman Sentul, Taman Pinang dan Perkampungan Juru bebas daripada banjir.



Pengenalan

Kawasan tadahan Sungai Mak Mandin merangkumi keluasan 445 hektar dengan panjang Sungai Mak Mandin 2.35 km dan Parit Monsun 3.60 km. Kedua-dua aliran sungai yang dipengaruhi oleh air pasang surut bertemu di Sungai Perai.

Kawasan yang sering dilanda kejadian banjir adalah kawasan perumahan di Taman Cantek dan Taman Bagan, dua sekolah (SJK Tamil Mak Mandin dan SK Mak Mandin) serta kawasan perindustrian. Kejadian banjir telah menjejaskan aktiviti ekonomi dan aktiviti harian penduduk berserta lerosakan infrastruktur awam.



Mengenai Projek

Projek ini merupakan salah satu dari lapan projek tebatan banjir berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang selaku agensi pelaksana. Perancangan projek bermula pada tahun 2016 dan kerja fizikal dimulakan pada 16 Mac 2018 dan siap sepenuhnya pada 8 November 2021. Kos keseluruhan projek adalah RM47 juta (kerja uku, penyiasatan tanah, bayaran perkhidmatan reka bentuk terperinci dan kos pembinaan) manakala bayaran pengambilan balik tanah adalah RM5 juta.



PROJEK TEBATAN BANJIR MAK MANDIN

Seberang Perai Utara, Pulau Pinang



Skop Utama Projek

1. Pembinaan rumah pam dengan jumlah kapasiti pam $9.0\text{m}^3/\text{s}$ berserta dengan tiga unit pintu kawalan air pasang surut berukuran 4.5m (W) x 3.0m (H);
2. Menaiktaraf Sungai Mak Mandin (2.10km);
3. Menaiktaraf Parit Monsun (1.80km);
4. Menaiktaraf sistem perparitan dalaman Taman Cantek (2.12km); dan
5. Menaiktaraf sistem perparitan dalaman Taman Bagan (2.26km).

Project Outcome

Pelaksanaan projek ini telah mengurangkan risiko banjir di kawasan perindustrian Mak Mandin, Taman Cantek, Taman Bagan dan kawasan rendah sepanjang Sungai Mak Mandin dan Parit Monsun.



Pengenalan

Sungai Teluk Kumbar terletak di Daerah Barat Daya Pulau Pinang, di bawah DUN Bayan Lepas dan Parlimen Balik Pulau. Panjang Sungai Teluk Kumbar adalah 3.8 kilometer dan keluasan lembangnya pula adalah lebih kurang 7.123 kilometer persegi. Secara amnya lembangan ini mempunyai 4 sungai yang menjadipenyumbang utama kepada lembangan Sungai Teluk Kumbar iaitu Sungai Batas Besar, Sungai Kampung Matahari Naik, Sungai Kampung Sulup dan Sungai Kampung Masjid.

Kawasan ini kerap berlaku banjir akibat hujan yang lebat semasa air laut pasang. Berlaku juga limpahan air di tebing sungai pada kawasan sepanjang sungai dan kawasan yang berdekatan muara sungai iaitu Kampung Nelayan Teluk Kumbar, Perumahan PERDA, Kampung Sulup, Kampung Paya, Kampung Masjid dan beberapa kampung lain berdekatan muara sungai. Selain faktor air laut pasang dan limpahan air sungai, banjir di kawasan ini juga berpunca daripada halangan keluar air di dua buah *outlet* kecil bersaiz 1.8m yang mempunyai *invert level* yang tinggi.

Mengenai Projek

Projek ini merupakan salah satu projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan Jabatan Pengairan dan Saliran selaku agensi pelaksana. Perancangan projek bermula pada tahun 2013 berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rekabentuk rumah pam telah disiapkan pada tahun 2017 oleh perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui JPS Pulau Pinang. Kerja fizikal dimulakan pada 17 Jun 2019 dan telah siap sepenuhnya pada 10 Disember 2021 dengan menggunakan peruntukan Kerajan Persekutuan.



RANCANGAN TEBATAN BANJIR TELUK KUMBAR

Daerah Barat Daya, Pulau Pinang

Project Outcome


1. Kawasan banjir dapat dikurangkan secara maksima iaitu daripada keluasan 4km² kepada 1km²;
2. Pengurangan sebanyak 80% daripada 21,800 orang penduduk yang terjejas akibat banjir;
3. Kekekapan kejadian banjir di dalam tempoh setahun dapat dikurangkan, iaitu dari 4-5 kali kepada 1 -2 kali setahun.



Skop Utama Projek

1. Pembinaan Rumah Pam dengan Kapasiti Pam 9.0 m³/s (3 x 3.0m³/s) berserta Pintu Kawalan Air Pasang Surut;
2. Pembinaan Bangunan Pencawang TNB, Bilik Operasi dan Laluan Keluar Masuk;
3. Tembok penahan L-unit berukuran 3.66m tinggi x 3.52m lebar sepanjang kiri dan kanan muara sungai beserta pagar
4. Menaiktaraf Jambatan Jalan Gertak Sanggul (skop tambahan).





AKTIVITI & PROGRAM

BAHAGIAN KORPORAT

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROGRAM PEMBANGUNAN JPS BIL. 2/2021 DAN MESYUARAT PEMANTAUAN PERUNDING MALAYSIA BIL.1/2021



Bahagian Korporat JPS Pulau Pinang telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Program Pembangunan JPS Malaysia Bil. 2/2021 dan Mesyuarat Pemantauan Perunding JPS Malaysia Bil. 1/2021. Mesyuarat yang berlangsung selama 3 hari ini telah diadakan pada 17 Mac hingga 19 Mac 2021 bertempat di Bilik Rafflesia, JPS Daerah SPT.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Program Pembangunan JPS Bil. 2/2021 dijalankan adalah untuk membincangkan tentang status program pembangunan serta hala tuju projek dan keperluan siling tahun 2022. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Dato' Ir. Hj. Mohd Azmi Bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia. Turut hadir seramai 35 orang pegawai kanan JPS Malaysia terdiri daripada pengurus bahagian dan pengurus negeri. Memandangkan keadaan pandemik Covid-19 yang masih belum reda, mesyuarat ini juga telah dijalankan secara maya dan fizikal.



Manakala Mesyuarat Pemantauan Perunding JPS Malaysia Bil. 1/2021 yang dipengerusikan oleh Ir. Hj. Nishad (Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pakar). Mesyuarat ini bertujuan untuk memantau status pelantikan perunding.

PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA SEMPENA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2021 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Pada 27 Mac 2021, JPS Pulau Pinang telah menganjurkan satu Program Gotong Royong Perdana Sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2021 bagi Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan di Sungai Rambai, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

BAHAGIAN KORPORAT

Program ini telah dilancarkan serentak di 14 lokasi di seluruh negara bersempena dengan Sambutan Hari Air Sedunia 2021 peringkat Kebangsaan. Program ini telah dirasmikan oleh YAB. Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan di hadiri oleh YB Chong Eng, ADUN Padang Lalang, YB Zairil Khir Johari EXCO Pengangkutan & Infrastruktur, YB ADUN Bukit Tengah, YB ADUN Machang Bubok, YB ADUN Berapit dan YB Ahli Parlimen Bukit Mertajam, NGO dan MPKK dalam kawasan DUN Padang Lalang, penduduk di kawasan ekitar dan juga pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (C) Jit Sin. Kehadiran peserta dalam program ini dianggarkan seramai 150 orang.



Objektif program ini adalah untuk mengajak komuniti setempat membersihkan dan mengindahkan rizab sungai di kawasan masing-masing. Program ini juga adalah untuk mempromosikan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK), bagi melestarikan sumber air melalui pendekatan nature-based solutions. Program Jom Turun Sungai di seluruh negara ini dilaksanakan dengan melibatkan aktiviti membersihkan persekitaran sungai, tebing, alur air dan membersihkan denai sungai. Pada dasarnya, tujuan utama program Jom Turun Sungai ini diadakan adalah untuk

memupuk semangat bekerjasama dalam komuniti setempat upaya menjaga kebersihan di kawasan persekitaran.



BENKEL PENYELARASAN PERMOHONAN BAJET PERUNTUKAN PEMBANGUNAN NEGERI (P08) BAGI TAHUN 2022

Pada 26 April 2021, Bahagian Korporat telah mengadakan satu Bengkel Penyelarasan Permohonan Bajet Peruntukan Pembangunan Negeri (P08) Bagi Tahun 2022 yang bertempat di Pusat Kecemerlangan, JPS SPU. Bengkel ini dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah (Operasi), Encik Mohd Nazaruddin dengan sedikit penerangan dan pembentangan ringkas berkenaan perjalanan bengkel. Bengkel penyelarasan ini dihadiri oleh Pengarah, semua Jurutera Daerah, semua Ketua Bahagian dan pegawai penyelaras bagi setiap daerah dan Bahagian JPS Pulau Pinang.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyelaras dan membuat semakan bagi tajuk-tajuk projek yang telah dikemukakan oleh daerah dan bahagian bagi mendapatkan peruntukan secara kasar mengikut peruntukan siling yang telah ditetapkan pada setiap tahun sebelum sesi pembentangan bajet bersama pihak BPEN diadakan.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

KURSUS ASAS SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM)

MS ISO 37001:2016

Kursus Asas Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (*Anti-Bribery Management System*) MS ISO 37001:2016 telah diadakan pada 1 April 2021 bertempat di Bilik ABC, Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang. Encik Abd Aziz Bin Yusof dari INTAN Kampus Wilayah Utara Sungai Petani dijemput sebagai penceramah kursus pada hari tersebut. Kursus dijalankan mengikut SOP yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (*Anti-Bribery Management System*) MS ISO 37001:2016 adalah sistem pengurusan dalam membantu jabatan dalam melaksanakan langkah yang sesuai untuk mencegah,

mengesan dan bertindak balas terhadap perbuatan rasuah. Selain itu, kursus ini bertujuan menerapkan budaya anti-rasuah dan integriti dalam kalangan penjawat awam di jabatan.



Hasil dari kursus ini dapat membantu jabatan merancang tindakan bagi mengatasi risiko dan peluang rasuah serta mengenal pasti cara yang sesuai untuk dipraktikkan dalam *Anti Bribery Management System* dan menilai keberkesannya.

KURSUS PENULISAN SURAT RASMI, MINIT MESYUARAT DAN MEMO

Kursus Penulisan Surat Rasmi, Minit Mesyuarat Dan Memo ini telah diadakan di Pusat Kecemerlangan JPS Seberang Perai Utara Pulau Pinang pada 05 April 2021. Kursus ini disampaikan oleh Puan Khairul Intan Binti Daud dari INTURA, Sungai Petani. Peserta kursus yang terlibat ialah dari kalangan Penolong Jurutera di jabatan ini.

Kursus ini adalah bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran di dalam menulis surat rasmi, minit mesyuarat dan memo yang lebih sistematik dan berkualiti.

Kursus ini dapat membantu peserta memahami ciri-ciri yang terbaik bagi menghasilkan penulisan yang berbentuk surat rasmi, memo dan minit mesyuarat. Selain itu peserta juga dapat mengaplikasi format yang betul dan mengenalpasti kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan ketika menghasilkan penulisan.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PROGRAM CERAMAH AGAMA: PENGHAYATAN DAN KEISTIMEWAAN RAMADHAN AL-MUBARAK

Pada 23 April 2021, Program Ceramah Agama “Penghayatan Dan Keistimewaan Ramadhan Al-Mubarak” diadakan di Auditorium F, Tingkat 5, KOMTAR. Ceramah agama ini disampaikan oleh Tuan Haji Norzli Bin Mat dari Agensi MARA. Peserta kursus yang terlibat ialah kakitangan Ibu Pejabat JPS Pulau Pinang, JPS Daerah Timur Laut dan JPS Daerah Barat Daya.



Kursus ini adalah bertujuan menambah ilmu pengetahuan agama yang bermanfaat bagi setiap peserta dan mengimarahkan lagi bulan Ramadhan yang mulia.



Setiap peserta dapat menambahkan ilmu agama serta mendapat suntikan semangat dan motivasi. Tambahan lagi, peserta juga boleh mengajukan soalan-soalan dan mendapatkan penjelasan semasa sesi soal jawab dibuka.

BENGKEL PEMBENTUKAN OACP JPS PULAU PINANG

Bengkel Pembentukan OACP JPS Pulau Pinang diadakan di Pusat Kecemerlangan JPS Daerah Seberang Perai Utara. Bengkel ini melibatkan perbincangan di antara pegawai terdiri dari kumpulan pengurusan dan professional (P&P). Encik Mohamad Hafizul Bin Hamid (Setiausaha Jawatankuasa Pembentukan OACP JPS Pulau Pinang) bertindak selaku fasilitator bagi bengkel tersebut.

Bengkel ini bertujuan mewujudkan sesi perbincangan berkumpulan bagi pembentukan *Organization Anti-Corruption Plan (OACP)* JPS Pulau Pinang.

Setiap peserta berkongsi pengetahuan dalam perbincangan pembentukan OACP yang merangkumi 3 pelan tindakan:

1. Pembangunan Projek
2. Perolehan Awam
3. Tadbir Urus Kewangan

Pada akhir bengkel tersebut, telah diadakan sesi pembentangan hasil perbincangan berkumpulan serta pemurniaan keseluruhan OACP.



BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR

BENGGEL SEMAKAN DAN LUKISAN TENDER BIL. 1

Pada 2 Mac 2021 dan 3 Mac 2021 yang lalu, Bahagian Pengurusan Banjir JPS Pulau Pinang telah mengadakan satu Bengkel Semakan Dokumen Dan Lukisan Tender Bil. 1 untuk Rekabentuk Terperinci Bagi Pembinaan Rumah Pam Siakap 1, Dan Rumah Pam Siakap 2 Di Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Bengkel hari pertama telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPS Tingkat 55 manakala bengkel pada hari kedua diadakan di Bilik Mesyuarat JPS Daerah Seberang Perai Tengah. Bengkel bermula dari jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Penolong Pengarah Kanan Pengurusan Banjir Encik Yogendran a/l Ganapathy. Ucapan amanat dan pesanan dari Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang Ir. Shukri bin Muslim diwakili dari Timbalan Pengarah 1, Encik Ooi Soon Lee kepada kakitangan dibawah seliaannya dan perunding yang di lantik bagi projek tersebut iaitu Mohass Engineering Consultant Sendirian Berhad.



Bengkel diadakan bagi tujuan mengemaskini dan menyelaraskan dokumen dan pelan bagi Pembinaan Rumah Pam Siakap 1 dan Rumah Pam Siakap 2 di Seberang Jaya agar dapat meminimalkan masalah semasa projek dilaksanakan.



Agenda bengkel pada hari pertama iaitu pembentangan senarai kuantiti oleh jurukur bahan perunding dan penyemakan dokumen serta lukisan tender di bahagikan kepada 2 kumpulan. Manakala hari kedua, bengkel diteruskan dengan sambungan pembentangan penyemakan dokumen dan lukisan tender dari 2 kumpulan tersebut. Antara pihak *stakeholder* yang terlibat adalah dari pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Tenaga Nasional Berhad, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sendirian Berhad, Penang Development Corporation Telecommunication Services Sendirian Berhad, Indah Water Konsortium. Kerjasama dari pihak utiliti tersebut banyak membantu dalam menjayakan bengkel ini.

LAWATAN TAPAK PROJEK TEBATAN BANJIR PARIT 4, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.

Pada 8 Mei 2021, lawatan tapak Projek Tebatan Banjir Parit 4, Seberang Perai Tengah telah diadakan di belakang Kilang Schlumberger, Jalan Perusahaan Perai. Pihak Ibu Pejabat JPS selaku tuan rumah telah menyediakan maklumat pelaksanaan projek semasa pembentangan di tapak dan lawatan ini diketuai oleh YB. EXCO Zairil Khir Johari. Lawatan ini turut dihadiri oleh YB. Chong Eng Pengerusi MMK Pembangunan Sosial Dan Hal Ehwal Bukan Islam, YB. Gooi Hsiao Leung Adun Bukit Tengah, YB. Sim Chee Keong Ahli Parlimen Bukit Mertajam, YBhg. Dato' Sr. Hj. Rozali bin Hj. Mohamud Datuk Bandar dan Tuan Ir. Zainuddin bin Yusoff Pengarah Pengairan Saliran Negeri Pulau Pinang.

BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR

Majlis diakhiri dengan menjemput YB. Zairil Khir Johari EXCO Pengangkutan & Infrastruktur menyampaikan penerangan pelaksanaan projek serta harapan dari pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang semasa sesi sidang media. Di antara penerangan yang telah di sampaikan adalah seperti berikut :



1. Projek Tebatan Banjir Parit 4 merupakan salah satu (1) daripada lapan (8) projek tebatan banjir berimpak tinggi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

2. Objektif utama projek tebatan banjir ini adalah bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan penempatan perumahan, kawasan komersial dan industri sepanjang 4.7km jajaran Parit 4. Selain itu, projek ini turut membantu untuk mengurangkan beban kapasiti takungan di Sg. Juru Borrow Pit sepanjang 4.3km.



3. Kawasan-kawasan *hotspot* banjir yang akan menerima manfaat daripada penyempurnaan projek tebatan banjir ini adalah penempatan di Taman Desa Damai, Taman Belimbing, Taman Jambu Madu dan Taman Jambu Mawar serta perkampungan di Kg. Dock dan Tok Keramat. Pusat komersial dan sektor industri sekitar Bukit Tengah juga turut menerima manfaat daripada pelaksanaan projek tebatan banjir ini.

4. Pihak Kerajaan Negeri amat prihatin dan sejajar dengan tema keempat dalam visi Penang 2030 iaitu pelaksanaan pelan adaptasi perubahan iklim. Sukacita dimaklumkan pengurangan sebanyak 97.85% keluasan banjir iaitu daripada 5.22km² kepada 0.11km² melalui pelaksanaan projek ini.

5. Projek ini direkabentuk pada tahap perlindungan banjir 20 ARI dengan kos RM16 juta (termasuk kos penyediaan Perunding Rekabentuk, perkhidmatan Kerja Ukur, perkhidmatan Siasatan Tanah dan kos pembinaan Fizikal sehingga siap sepenuhnya)

6. Projek ini terdiri daripada komponen utama seperti berikut:

- A) Pembinaan Rumah Pam Baharu berkapasiti 13.2m³/s
 - i) 5 bay dan pemasangan skrew pam sebanyak 3 nos pada fasa 20 ARI kali ini
 - ii) pembinaan bilik utility/operasi untuk kakitangan JPS SPT
 - iii) pembinaan TNB Sub-Station
 - iv) pembinaan guard house
 - v) kelengkapan Mekanikal & Elektrikal
- B) Struktur Tebatan Banjir (L-Shape) sepanjang 1,270m (1,240 LHS & 30m RHS).
- C) Pengukuhan tebing Parit 4 (Sheet Piles) sepanjang 168m (8m LHS & 160m RHS).
- D) Jalan Peyelenggaraan di Parit 4 sepanjang 1,270m (1,240 LHS & 30m RHS).

7. Pembinaan projek ini bermula pada 16 Mac 2018 dan siap sepenuhnya pada 31 Mac 2021.

BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

MAJLIS KHATAM AL-QURAN 2021

Majlis Khatam Al-Quran ini telah diadakan pada 30 April 2021 bertempat di Surau, JPS Daerah SPT. Majlis ini telah di ketuai oleh Ustaz Nazri Bin Hanafi bagi melancarkan program khatam Al-Quran JPS Pulau Pinang.

Program ini diadakan sebagai majlis penutup bagi aktiviti tadarus yang telah dijalankan secara berkumpulan oleh kakitangan JPS yang terdiri daripada Bahagian dan Daerah. Diharapkan dengan pelancaran majlis ini dapat mengeratkan lagi jalinan ukhwah sesama kakitangan JPS yang terlibat.

Pihak jabatan berharap, daripada majlis ini dapatlah kakitangan JPS yang terlibat menambah ilmu pengetahuan berkaitan Al-Quran dan memberbetulkan bacaan masing-masing. Pihak Jabatan berharap majlis ini dapat memberi faedah yang sebaiknya dan menarik lebih ramai peserta pada masa akan datang bagi meraikan bulan mulia iaitu bulan Ramadhan Al Mubarak




MESYUARAT PENYELARASAN KAWASAN PENGAIRAN PULAU PINANG

Pada 15 dan 16 November 2021, Bahagian Pengairan dan Saliran telah mengadakan satu Mesyuarat Penyelarasan Kawasan Pengairan Pulau Pinang yang bertempat di Hotel The Light, Pulau Pinang. Mesyuarat ini diadakan dengan kerjasama IADA Pulau Pinang yang melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti Pejabat Undang-undang Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Pejabat Daerah dan Tanah, JPS Malaysia, Jurutera-jurutera Daerah dan Pelbagai Jabatan yang berkaitan.



BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

Mesyuarat ini diadakan bagi tujuan penambahbaikan warta kerajaan (Akta Kawasan Pengairan 1953) serta pemutihan dan pewartaan semula lot-lot pengairan. Mesyuarat selama 2 hari ini melibatkan taklimat ringkas daripada Wakil Pejabat Undang-Undang, MBSP, MBPP dan Pengarah IADA Pulau Pinang berkaitan Akta Pengairan serta maklumat kawasan jelapang di Pulau Pinang. Sesi perbincangan secara berkumpulan juga diadakan pada hari kedua bagi memfokuskan maklumat lebih terperinci berkaitan penambahbaikan Akta Pengairan 1953 dan Pewartaan Semula Lot-lot baru pengairan.




BAHAGIAN PROJEK PERSEKUTUAN PULAU PINANG

SIDANG MEDIA PENUTUPAN JALAN GERTAK SANGGUL

Pada 19 Februari 2021 satu sidang media telah diadakan di tapak projek RTB Teluk Kumbar untuk memaklumkan penutupan jalan utama Gertak Sanggul bagi memberi laluan kepada pembinaan jambatan baru yang terlibat dalam skop kerja projek tersebut.

Sidang media ini telah dihadiri oleh YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik Ahli Parlimen Balik Pulau, Tuan Mohd Hafiz Aswad bin Nadzri Pegawai Daerah Barat Daya, Ketua Balai Gertak Sanggul Inspektor Suhami Bin Mat dan Tuan Mohd Rizal bin Salim Jurutera Daerah Barat Daya.

Sesi sidang media ini bertujuan memaklumkan kepada semua pengguna jalan yang menggunakan jalan tersebut akan ditutup selama 6 bulan bermula dari 6 Mac 2021 sehingga 6 September 2021 bagi memberi laluan pembinaan jambatan baru.



BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

AUDIT SIRIM ISO 45001:2018 TAHUN 2021

Audit SIRIM telah berlangsung pada 22 dan 23 Mac 2021 bertempat di Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Program ini dianjurkan oleh unit Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Jabatan Pengairan Dan Saliran Pulau Pinang.

Proses persijilan ISO 45001:2018.

Dalam penemuan (NCR) oleh pihak SIRIM, antara tindakan pembetulan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i) Penambahbaikan dokumen Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan JPSPP.
- ii) Penguatkuasaan Perundangan dalam Sistem Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan JPSPP.
- iii) Latihan-latihan KKP kepada kakitangan JPSPP
- iv) Program pengurusan penyelenggaraan rumah pam berjadual dan kawal selia yang teratur.



LAWATAN PEMERIKSAAN UJIAN PAM BERGERAK BAGI KERJA-KERJA DELIVERY, TESTING & COMMISSIONING OF SELFPRIMING END SUCTION PUMP COMPLETE WITH ENGINE AND ALL RELATED ACCESSORIES TO BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, JPS PULAU PINANG.

Lawatan Pemeriksaan Ujian Pam Bergerak Bagi Kerja-Kerja *Delivery, Testing & Commissioning of Self-priming End Suction Pump Complete With Engine And All Related Accessories To* Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, JPS Pulau Pinang telah berlangsung pada 24 Mac 2021 bertempat di Bengkel Ujian Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal Jabatan Pengairan dan Saliran Ipoh, Perak.

Lawatan ini bertujuan bagi menjalankan pemantauan bekalan mengikut pematuhan spesifikasi teknikal seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak dan merangkumi pemeriksaan, kualiti dan kesesuaian jentera/bekalan bagi menepati spesifikasi yang dikehendaki dalam syarat kontrak.



JPS DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

LAWATAN PROJEK MENAIKTARAF JAMBATAN DI TAMAN CANTIK MAK MANDIN

Lawatan ini telah diadakan pada 18 Februari 2021 bertempat di Jambatan Taman Cantik, Mak Mandin, Seberang Perai Utara. Lawatan ini dihadiri oleh Adun Bagan Jermal iaitu YB. Soon Lip Chee. Lawatan ini bertujuan memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor bagi memperbaiki kecacatan struktur jalan raya berhampiran jambatan tersebut yang telah dikenal pasti agak curam.

Projek Menaiktaraf Jambatan Taman Cantik merupakan sebahagian daripada komponen projek di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin, Seberang Perai Utara. Jambatan ini akan dibuka semula pada 23 Februari 2021 setelah pembinaan siap sepenuhnya.



LAWATAN RUMAH PAM OLEH DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

Satu program lawatan oleh Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican telah diadakan pada 21 Februari 2021 bagi meninjau kemajuan pembinaan Rumah Pam JPS Pinang Tunggal di Kampung Permatang Saga, Seberang Perai Utara yang baru sahaja siap dinaiktaraf.

Lawatan ini turut dihadiri oleh Ir. Shukri Bin Muslim, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang, Dato' Haji Roslan Saidin dan Dato' Haji Md Zabidi Haji Ariffin.

Kerja menaiktaraf ini melibatkan pemasangan pam baharu yang berfungsi dengan baik ketika paras air Sungai Muda rendah bagi menggantikan pam yang telah uzur.



Pemasangan pam baharu ini akan memberi manfaat kepada 2752 orang petani di kawasan Skim Pengairan Pinang Tunggal. Dengan pemasangan pam-pam baru ini, masalah air yang dihadapi oleh petani pada waktu bekalan di sini akan dapat di atasi.



JPS DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

CERAMAH MOTIVASI OLEH USTAZ NORZLI BIN MAT



Pada 28 April 2021 JPS Daerah SPU dengan berbesar hati telah menjemput Ustaz Norzli bin Mat dari Pejabat Agama Islam Daerah SPU untuk memberikan ceramah motivasi kepada kakitangan JPS SPU.

Sebagai umat Islam, kita disarankan supaya jangan berhenti menuntut ilmu. Dalam Surau Az Zumar Allah berfirman yang ertinya “Katakanlah tidak sama orang yang mempunyai ilmu pengetahuan dengan yang tidak berilmu”

Orang beriman diangkat beberapa darjat, begitu juga orang yang beriman dan berilmu akan diangkat beberapa darjat lebih dari itu. Semua makhluk akan mendoakan keampunan kepada orang yang menuntut ilmu, hinggakan ikan-ikan dilautan juga akan memohon keampunan kepada orang yang menuntut ilmu.

LATIHAN KEBAKARAN DAN MENYELAMAT

Isu persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan perkara terpenting di dalam sesebuah organisasi. Menyedari kepentingan itu, JPS Daerah SPU Bersama Bomba Kepala Batas telah mengadakan Latihan Kebakaran dan Pengungsian Bangunan pada 16 April 2021.



Objektif latihan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan latihan kepada warga JPS Daerah SPU tentang tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kecemasan atau bencana. Ini juga penting untuk memastikan kakitangan sentiasa berwaspada dan peka terhadap amaran kecemasan di samping mengetahui akan tindakan segera yang perlu diambil. Kakitangan juga diajar cara yang betul menggunakan peralatan kebakaran.



JPS DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

TAKLIMAT PENGURUSAN HARTA PUSAKA

Taklimat Pengurusan Harta Pusaka yang disampaikan oleh penceramah dari Amanah Raya Berhad Sungai Petani bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai pentadbiran dan pengurusan harta pusaka menurut hukum Syarak. Merancang pewarisan pusaka amat penting bagi umat Islam dan boleh mengelakkan masalah seperti pertelingkahan ahli keluarga dan sanak saudara. Taklimat Pengurusan Harta Pusaka telah memberi pendedahan kepada kakitangan tentang tatacara pengurusan harta pusaka yang betul melalui perkongsian ilmu oleh penceramah. Ia diharapkan dapat memberi maklumat yang bermanfaat dan menjadi ilmu yang berguna buat para kakitangan di masa akan datang.



JPS DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

KAYUHAN LESTARI JPS DAERAH SPT

Program Kayuhan Lestari ini telah diadakan pada 23 Mac 2021 pada jam 7.30 pagi dan berakhir pada jam 1.00 petang. Program ini dimulai dengan sesi pendaftaran peserta. Kayuhan ini bermula dari hadapan Sekolah Agama Rakyat Padang Ibu sehingga ke Jeti Kampung Terus iaitu sepanjang 13km. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan JPS Daerah SPT tentang pentingnya gaya hidup sihat dan manfaat untuk kesihatan diri. Selain itu, program ini dapat memupuk semangat kerja berpasukan serta mengeratkan silaturrahim antara kakitangan JPS Daerah SPT.



BENGGEL PEMERIKSAAN KESIHATAN JPS DAERAH SPT



Bengkel Pemeriksaan Kesihatan JPS Daerah SPT telah diadakan pada 15 dan 18 Mac 2021 bertempat di Bilik Raflesia, JPS Daerah SPT. Bengkel ini dilaksanakan oleh pihak jabatan untuk memastikan kesihatan kakitangan JPS SPT berada dalam keadaan baik. Objektif utama Bengkel ini adalah tindakan awal untuk mengesan penyakit di kalangan kakitangan JPS Daerah SPT. Program ini diharapkan dapat mendidik dan menyemai amalan gaya hidup sihat di kalangan kakitangan JPS SPT. Pihak jabatan berharap, hasil dari bengkel ini akan meningkatkan tahap kesihatan dan kesedaran dalam mewujudkan persekitaran kerja yang sihat di kalangan kakitangan JPS SPT dan dapat memberikan faedah sebaiknya serta memberi peluang bagi kakitangan untuk meneliti dan mengawal selia tahap kesihatan masing-masing.



JPS DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

PEMBINAAN STRUKTUR SLUICE GATE BAGI MENGAWAL KEJADIAN BANJIR KILAT DI TAMAN JAWI JAYA, SUNGAI JAWI.

Kejadian banjir kilat sering berlaku di kawasan ini akibat daripada pintu automatic (*flap gate*) saluran keluar ke Sungai Jawi gagal berfungsi dengan baik. Kegagalan pintu automatic ini disebabkan oleh sampah-sarap yang tersangkut dan menyebabkan pintu tidak dapat ditutup dengan rapat semasa berlakunya hujan lebat dan air sungai tinggi.

Seterusnya, air dari Sungai Jawi membanjiri kawasan sekitar. Ekoran dari situasi ini, satu permohonan peruntukan dibawah wang caruman perparitan telah dipohon bagi pembinaan struktur *sluice gate* di salur keluar.



Sluice gate ini dioperasikan secara manual dan ditutup sekiranya terdapat aliran backflow dari Sungai Jawi.

Lawatan oleh YB. ADUN Jawi H'ng Mooi Lye adalah untuk sesi taklimat dan penyerahan *sluice gate* yang telah disiapkan kepada pihak NGO untuk pengoperasian.



LAWATAN PINTU EMPANGAN DI TASEK JUNJONG

Lawatan tapak ini telah diadakan pada 19 Februari 2021 adalah bertujuan untuk membincangkan isu masalah bekalan air dan isu banjir bersama penduduk setempat. Disamping itu, turut dimaklumkan tentang fungsi struktur *headwork* tersebut dan pengoperasian.

JPS DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN



Pintu Empangan (*Headwork Junjung*) direkabentuk pada tahun 1980 yang berfungsi untuk membekalkan bekalan air ke petak sawah di kawasan setempat. Pengoperasian pintu bekalan ini mengambil kira keluasan petak sawah supaya dapat dibekalkan air secukupnya mengikut keperluan. Pada masa ini, fungsi *Headwork* ini adalah bertujuan membekalkan air kepada kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Tasek Junjung, Seberang Perai Selatan.



CABUTAN KERJA UNDI JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

Kerja Undi merupakan salah satu tatacara/ kaedah perolehan seiring dengan prinsip dan dasar perolehan kerajaan. Ia juga memberi peluang kepada kontraktor bumiputera secara terpilih dengan menggunakan kaedah cabutan. Di era negara dilanda Pandemik Covid-19, adalah menjadi tanggungjawab dan peranan jabatan untuk terus memperkasakan pembangunan negara. Oleh yang demikian, perolehan undi dibuat secara atas talian menggunakan aplikasi Facebook pada 07 Mei 2021, Khamis jam 10.00 pagi.



Cabutan Kerja Undi ini dihadiri oleh 4 orang pemerhati dari Jabatan Integriti, Unit Audit Dalam, Wakil PERKOBF dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Pulau Pinang. Proses Cabutan Undi dilaksanakan oleh Tuan Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dengan menggunakan kaedah cabutan bola ping pong dan setiap nombor cabutan yang berjaya akan dipaparkan dengan jelas melalui Video Siaran Langsung. Setelah selesai cabutan, pihak urusetia akan mempamerkan keputusan yang telah ditandatangani oleh pihak pemerhati dalam Facebook rasmi Daerah. Semua kontraktor yang berjaya akan dipanggil bagi menerima surat tawaran.

JPS DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

HARI SUNGAI SEDUNIA 2021 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Pada 26 September jam 9.00 pagi , Hari Sungai Sedunia 2021 Peringkat Negeri Pulau Pinang diadakan di Dataran Sanglang, Sungai Kerian, SPS. Tema 'Alur Air Dalam Komuniti Kita' telah dipilih untuk menjadi tema Sambutan Hari Sungai Sedunia tahun ini. Ini menjadi mesej bahawa sungai merupakan nadi kehidupan yang merupakan elemen terpenting dalam kehidupan dan juga pembangunan negara.

Majlis ini dijalankan serentak dengan perasmian Denai Sungai Kerian @ Kampung Sanglang-Ampang Jajar. Program Denai Sungai Kebangsaan ialah program pembangunan laluan di sepanjang jajaran sungai, kolam, atau badan air yang berfungsi untuk menjadikannya kawasan riadah dan rekreasi. Bagi meneruskan kesinambungan Denai Sungai Kebangsaan ini, KASA mengalu-alukan komuniti setempat, pemimpin tempatan, NGO dan badan korporat yang berminat menjadi rakan strategik untuk menyertai 'Sahabat Sungai'.

Langkah ini diharap dapat menggerakkan inisiatif yang melibatkan komuniti setempat dalam pengurusan dan pemeliharaan kawasan lembangan sungai dan mengurangkan risiko banjir dan pencemaran sungai.



Oleh itu, JPS Negeri Pulau Pinang telah mengenalpasti sepanjang 62,780 daripada 89,228 meter panjang keseluruhan denai sungai di Pulau Pinang yang berpotensi untuk dimasukkan dalam senarai Denai Sungai Kebangsaan. Bagi merealisasikan Denai Sungai Kebangsaan ini, kementerian akan menyalurkan peruntukan secara berperingkat kepada JPS Negeri untuk menaiktaraf denai-denai yang terlibat .

Dengan adanya pelbagai program dan kempen pemuliharaan sungai ini, adalah diharapkan akan meningkatkan kesedaran komuniti dalam membantu kerajaan dalam mengatasi isu pencemaran bagi memenuhi keperluan air bersih yang mencukupi dan selamat untuk diminum serta memenuhi keperluan pembangunan negara.

JPS DAERAH BARAT DAYA

SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2021 BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

Pada 27 Mac 2021, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dan JPS Daerah Barat Daya telah mengadakan Sambutan Hari Air Sedunia yang bertempat di Taman Jajar, Sungai Ara. Majlis tersebut bermula dari jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 petang.

Majlis turut disertai oleh agensi-agensi Kerajaan, beberapa NGO dan penduduk setempat. Majlis dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang, Pn. Sharifah Zakiah Bt. Syed Saheb.

Sambutan Hari Air Sedunia dengan tema “Valuing Water” diadakan bagi tujuan untuk menghargai sumber air dan meningkatkan kesedaran krisis air antarabangsa serta salah satu fokus utama dalam menyokong pencapaian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu matlamat Pembangunan Lestari 6 : Air dan sanitasi untuk semua menjelang tahun 2030 .



Melalui Program Hari Air Sedunia, maklumat berkaitan sumber air dapat disampaikan terus kepada orang ramai. Diantara pengisian dalam program tersebut adalah aktiviti gotong royong dan penanaman pokok sempena menyahut seruan Kerajaan Negeri “Penang Goes Green”. “Dan kami turunkan air daripada langit berupa hujan yang penuh dengan keberkatan dan manfaatnya sekaligus menyuburkan tanaman serta kebun dengan hasil yang lumayan yang dituai”-surah Qaf, Ayat 9



LAWATAN DAN TAKLIMAT PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR DI DAERAH BARAT DAYA PULAU PINANG

Pada 18 September 2021, satu Lawatan dan Taklimat Projek Rancangan Tebatan Banjir Daerah Barat Daya telah diadakan di Dewan Baginda, JPS Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Taklimat bermula dari jam 10 pagi dan berakhir pada jam 3.00 petang.

Taklimat dan lawatan ini telah dihadiri oleh Dato’ Dr. Mansor Othman Timbalan Menteri Air Dan Tanah dan YBhg. Dato’ Ir. Azmin Bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes) JPS Malaysia.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang, Ir. Zainuddin bin Yusoff dan taklimat daripada En. Muhamed Rizal Bin Salim, Jurutera Daerah Barat Daya.



JPS DAERAH BARAT DAYA

Lawatan dan taklimat diadakan bagi tujuan meninjau kawasan banjir, muara Sungai Burung dan memantau pelaksanaan Pembinaan Rumah Pam Teluk Kumbar di Daerah Barat Daya Pulau Pinang.

Taklimat memaklumkan dan pembentangan senarai unjuran perbelanjaan serta bajet yang telah diperolehi oleh Jabatan Pengairan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2021 daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Sesi soal jawab juga dibuka kepada tetamu yang hadir.

Antara pihak yang terlibat adalah daripada MPKK, Ketua Unit Nelayan Sungai Burung, Ketua Unit nelayan Pulau Betong dan pihak kontraktor RTB Teluk Kumbar. Kerjasama dari pihak yang terlibat banyak membantu dalam menjayakan ini



JPS DAERAH TIMUR LAUT

PROGRAM BACAAN YASSIN

Program pada Januari 2021 ini telah dihadiri seramai 10 orang kakitangan sahaja memandangkan kekangan penglibatan dari semua kakitangan disebabkan pematuhan SOP yang masih lagi berterusan. Tujuan program ini diadakan juga adalah untuk memohon ke hadirat Allah S.W.T supaya virus Covid-19 ini hilang dari mukabumi ini.

Program ini adalah merapatkan hubungan silaturrahim di antara ketua jabatan dan juga kakitangan.



PERJUMPAAN JURUTERA DAERAH



Perjumpaan Jurutera Daerah telah diadakan pada 8 April 2021 bertempat di Dewan Mesyuarat Kolam S18, Lebuhraya Macallum. Majlis ini diketuai oleh Jurutera Daerah JPS Daerah Timur Laut, Ir. Muhammad Zamri Bin Uzni. Kehadiran kakitangan adalah seramai 30 orang.

Majlis ini di adakah bertujuan untuk sesi perkenalan antara Jurutera Daerah yang baru dengan kakitangan JPS Daerah Timur Laut dan ahli-ahli Skwad Banjir.

JPS DAERAH TIMUR LAUT

PROGRAM KECERGASAN SIHAT CERGAS JPS DAERAH TIMUR LAUT

Program Kecergasan Sihat Cergas JPS Daerah Timur Laut telah diadakan pada 9 April 2021 bertempat di Sungai Rusa, Balik Pulau. Program ini diketuai oleh Penolong Jurutera JPS Daerah Timur Laut iaitu Siti Nadzlyah Binti Osman dan telah dihadiri oleh 10 orang kakitangan JPS Daerah Timur Laut.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk melahirkan warga kerja yang sihat dan cergas serta kepentingan dalam menjaga alam sekitar. Antara aktiviti lain yang dilakukan adalah mengutip sampah-sarap yang terdapat di laluan tersebut.



MAJLIS BACAAN YASSIN JPS DAERAH TIMUR LAUT



JPS Daerah Timur Laut telah menganjurkan majlis bacaan Yassin pada 7 Mei 2021 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat JPS Daerah Timur Laut. Majlis ini diketuai oleh Jurutera Daerah JPS Daerah Timur Laut iaitu Ir. Muhammad Zamri bin Uzni. Kehadiran kakitangan adalah seramai 12 orang.

Tujuan majlis ini diadakan adalah bersempena hari Jumaat terakhir di bulan Ramadan 1442 H dan memohon keberkatan di bulan yang mulia. Selain itu, majlis ini juga diadakan bagi merapatkan silaturahim di antara kakitangan Pejabat ini.

MAJLIS BERBUKA PUASA JPS DAERAH TIMUR LAUT

Satu majlis berbuka puasa telah diadakan pada 8 Mei 2021 bertempat di Hotel Jen, Komtar. Majlis ini diketuai oleh Penolong Jurutera JPS Daerah Timur Laut iaitu Cik Siti Nadzlyah binti Osman dan turut dihadiri oleh kakitangan JPS Daerah Timur Laut seramai 10 orang.

Antara tujuan majlis ini diadakan adalah bagi mengeratkan silaturrahim di antara kakitangan sempena dengan bulan Ramadhan yang membawa berkat.







KERATAN AKBAR

Nation
Handbook detailing national vaccination plan to be launched by PM Tan Sri Muhyiddin Yassin tomorrow. >2

The Star

people's paper



kuali
is now an app!
Get Recipes at Your Fingertips.
Scan the QR Code to Download the app from App Store / Google Play.

MONDAY 15 FEBRUARY 2021 PP19652/12/2020 (335234) (No. 22433) RM1.60 1300-88-7827 (Customer Service)

Fighting the virus as one

Now that many more businesses in the retail sector have reopened, health experts caution that strict compliance and enforcement of the standard operating procedures will determine whether Covid-19 can be contained. The people need to help each other by constantly reminding one another to fully commit to the protocols in place, say experts. > See report on page 5 by DIYANA PFORDTEN

Back to black

During the first MCO last year, the water in Penang's Sungai Pinang turned a light jade-green when almost all factories and industries were closed. However, with MCO 2.0, garbage has transformed the river into a seeming cesspool, with dangerous consequences for human and marine life. >3



LO TEIN CHERN/The Star

Kerang mati: JPS negeri jalankan siasatan terperinci kenal pasti punca

astro
AWANI

Dewi Nur Harasha Alias
Mac 23, 2021 08:15 MYT



Penternak kerang di Kuala Juru, Pulau Pinang sebelum ini mendakwa kerugian hampir RM700,000 selepas ternakan mereka tidak dapat dipasarkan kerana mati akibat pencemaran selut - Astro AWANI

BUKIT MERTAJAM: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang akan menjalankan siasatan terperinci berhubung dakwaan ternakan kerang di Kuala Juru, Pulau Pinang mati disebabkan pencemaran selut dari projek mendalamkan muara sungai.

Pengarahnya, Shukri Muslim berkata, pihaknya menerima aduan mengenai perkara itu dan turut meminta Jabatan Perikanan negeri menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar kematian kerang.

Beliau berkata sebarang tindakan susulan akan dimuktamad selepas hasil siasatan diperolehi daripada pihak Perikanan.

"Kita terima aduan berkenaan kerang dikatakan mati dan tidak sempurna. Ini kita telah serahkan kepada pihak Jabatan Perikanan sama ada benarkah andaian bahawa projek JPS ini (hinggakan) kerang itu mati," ujar Shukri.



Menurutnya, projek mendalamkan muara sungai Juru bermula September tahun lepas dan dijangka siap Khamis ini bagi mengatasi masalah sungai cetek di kawasan berkenaan.

Jelasnya, kali terakhir projek mendalamkan sungai di muara berkenaan dilakukan sekitar tahun 2003.

"Memang kita ada kenal pasti beberapa pemternak kerang tetapi mengikut apa yang telah kita lakukan di tapak lokasi, kesemuanya telah bersetuju bekerjasama dengan kita untuk beri laluan kepada projek ini. Projek ini bukan untuk kepentingan JPS sendiri tapi untuk orang di kawasan sekitar muara Sungai Juru," ujarnya.

BACA: Kerang mati dan busuk, penternak dakwa kerugian RM700,000

Shukri berkata, pihak JPS juga telah mengadakan rundingan dengan kumpulan penternak di Kuala Juru sebelum ini. Tegasnya, kawasan sungai berkenaan cetek dan perlu didalamkan bagi memberi kemudahan pergerakan bot nelayan di situ selain bagi mengatasi masalah banjir akibat sungai cetek.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Noraisyah Abu Bakar ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah membuat pemeriksaan di kawasan ternakan kerang hari ini.

Jelasnya, kajian lebih terperinci akan dilakukan pihaknya bagi mengenal pasti punca sebenar kematian kerang berkenaan sama ada disebabkan oleh selut atau sebaliknya.

SAM gesa siasat pencemaran Parit D3-Paya Mahang

Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my



Nibong Tebal: Pihak berkuasa berkaitan digesa untuk menyiasat dan mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah pencemaran air dari Parit D3-Paya Mahang, di sini, dengan segera. Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), R Meenakshi berkata, pihaknya pernah membangkitkan isu berkenaan, namun sehingga kini tiada tindakan berkesan diambil. Menurutnya, pemeriksaan dijalankan mendapati air parit terbabit kotor, berbau, berkelodak dan keadaan seakan-akan berminyak dapat dilihat dengan jelas dari jalan utama.

Katanya, kualiti air semakin buruk dan saluran air dari parit yang tercemar itu menuju ke lembangan Sungai Jawi seterusnya ke muara Sungai Jawi dan akhirnya ke laut.

"Berdasarkan maklum balas yang diterima, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Seberang Perai Selatan sudah menjalankan siasatan terhadap aduan oleh SAM.

"Pihak terbabit menyatakan antara punca air parit menjadi hitam dan kotor disebabkan berlaku aktiviti penternakan khinzir di persekitaran Parit D3 (Paya Mahang).

"Malah, dilaporkan air dari ladang ternakan berkenaan mengalir secara terus ke dalam parit berdekatan dan masuk ke dalam parit itu," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini. Menurutnya, keadaan itu menunjukkan perkara terbabit sudah lama terjadi dan diketahui pihak berkuasa, tetapi masalah pencemaran ini masih tiada kesudahan.

"Ia seperti keadaan yang berlaku di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, di mana sisa kumbahan ternakan babi membelenggu penduduk selama lebih 40 tahun." Justeru, Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Negeri Pulau Pinang) 2020 perlu dikuat kuasa dengan lebih tegas untuk menyelesaikan masalah ini.

"Kami percaya jika masalah pencemaran di Parit D3 ini berterusan tanpa sebarang penguatkuasaan maka masalah akan lebih rumit dan menelan kos tinggi sekiranya projek pemulihan dirancang di masa akan datang," katanya.

Katanya, SAM menyarankan pihak berkuasa mengadakan operasi bersepadu dan mengambil tindakan lebih tegas tanpa kompromi terhadap mana-mana pihak yang melakukan pencemaran terbabit.

Disiarkan pada: Ogos 3, 2021 @ 10:13am

Time to clean up Sungai Muda, says CAP *TheStar*

By R. SEKARAN

METRO NEWS

Wednesday, 15 Dec 2021



Piles of waste trapped near the jetty in Permatang Bendahari, Penang, that could pollute Sungai Muda.

THE lack of civic-mindedness and care for the environment rears its ugly head again, this time in Sungai Muda, where a swathe of floating bottles is caught along the side of a jetty on the river.

What appears to be a field of sun-baked plastic bottles that once held mineral water, engine oil, shampoo and who knows what else along with pieces of polystyrene, has gathered after being trapped into a corner by a jetty at Permatang Bendahari in north Seberang Prai district, Penang.

It does not help that Sungai Muda is a vital source of raw water for Kedah and Penang, said Consumers Association of Penang (CAP). CAP president Mohideen Abdul Kader said on top of pollution, the waste creates breeding grounds for mosquitoes that can trigger disease outbreaks.

“Even worse, if the waste contains toxic materials, they will have a worse impact on the environment, river and marine life as well as human health.

“If left unchecked, this plastic waste will flow out to sea, disrupting fishermen’s activities and affecting their livelihoods.”

He said an investigation should be conducted and serious attention paid to the problem.

Sungai Muda is more than 200km long, flowing out of a jungle shared with Thailand and passing through a multitude of communities in Kedah and Penang.

CAP urged the Drainage and Irrigation Department as well as local authorities to take immediate action to clean up the river. It called for continuous monitoring of cleanliness and strict legal action taken against anyone founding dumping rubbish into the river.

Penaga assemblyman Yusni Mat Piah said it was shocking that local authorities were not aware of the floating mess of plastic waste as there had been complaints from the local community. Permatang Bendahari is within his constituency, about 4km from the river mouth.

“Action should be taken against individuals or companies involved in the dumping as polluting our water source is a serious issue,” he said.

Sungai Muda’s pollution was first highlighted in February last year after an illegal dumping ground was spotted on the banks of the river, with concerns that heavy metal could have leaked into it.

Water samples were then tested for contamination, with warnings from Penang Water Supply Corporation that if the river is found to be polluted, it would be forced to stop taking water from there.

Rawat segera hakisan Sungai Kerian - SAM

Zuhainy Zulkiffli - April 7, 2021 @ 7:24am
bhnews@bh.com.my



Banyak bot besar menyusuri Sungai Kerian untuk ke Sebuah pelantar pendaratan ikan, - Foto ihsan SAM

NIBONG TEBAL: Sahabat Alam Malaysia (SAM) meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang mengambil langkah segera bagi mencegah hakisan tebing Sungai Kerian, di sini, sebelum ia menjadi lebih buruk. Presiden SAM, Presiden SAM, Meenakshi Raman, berkata beberapa nelayan dan pemancing yang ditemui SAM mendakwa antara punca berlaku hakisan di Sungai Kerian adalah disebabkan alun dihasilkan bot besar yang berulang-alik di sungai itu membawa muatan ke pelantar pendaratan ikan di Jalan Ban Sungai Tok Tuntong, di sini.



Hakisan tebing Sungai Kerian dipercayai berpunca alun daripada bot besar yang menyusuri sungai itu ke pelantar pendaratan ikan, - Foto ihsan SAM

Nelayan sungai juga sudah mengutarakan kepada pihak berkuasa berkaitan mengenai implikasi hakisan sungai berikutan banyak bot besar menggunakan Sungai Kerian sebagai laluan utama. Selain itu, nelayan juga bimbang keselamatan mereka.

"Nelayan turut mendakwa lambakan kolam akuakultur yang begitu hampir dengan tebing sungai juga antara punca menyebabkan hakisan tebing selain menjejaskan kualiti air kerana sisa buangan kolam dialirkan ke Sungai Kerian," katanya ditemui hari ini. Mengulas lanjut Meenakshi berkata, tinjauan SAM ketika bot besar membawa muatan menuju ke pelantar pendaratan ikan mendapati jelas kelihatan alun ombak membadai tebing yang dihasilkan daripada bot terbabit.

Keadaan itu akan menyebabkan hakisan tebing Sungai Kerian bertambah buruk dalam jangka panjang jika langkah pencegahan semula jadi tidak dilaksanakan atau tembok penahan ombak tidak dibina.

"Pembangunan dan aktiviti yang tidak terkawal sama ada secara sah atau tidak boleh menyebabkan tebing sungai menjadi tidak stabil. Justeru, pihak berkuasa perlu turun padang bagi membuat tinjauan dengan mengenal pasti sama ada dakwaan itu berasas sekali gus merungkaikan masalah berkenaan," katanya lagi.



Hakisan tebing Sungai Kerian dipercayai berpunca alun daripada bot besar yang menyusuri sungai itu ke pelantar pendaratan ikan, - Foto ihsan SAM





**ANUGERAH
& PENCAPAIAN**

ANUGERAH PINGAT PULAU PINANG 2021



PINGAT KELAKUAN TERPUJI
IR. FAIZAL AHMAD BIN IBRAHIM
TIMBALAN PENGARAH II J52



PINGAT KELAKUAN TERPUJI
MOHD NAZARUDDIN BIN GHAZALI
KETUA PENOLONG PENGARAH OPERASI J48



PINGAT JASA KEBAKTIAN
HAFIZAH BINTI AHMAD
KETUA PENOLONG KHIDMAT PENGURUSAN M48



PINGAT JASA KEBAKTIAN
MOHD FADHIL BIN AHMAD
PENOLONG PENGARAH KANAN J44



PINGAT JASA KEBAKTIAN
MOHD NASYARUL BIN AHMAD RIZAN
JURUTERA DAERAH J44



PINGAT JASA MASYARAKAT
MUHAMAD NOR BIN HUSSAIN
PEMBANTU AWAM H11



BAHAGIAN ASET



**PEGAWAI
BERTUKAR DAN BERSARA**







SENARAI PEGAWAI DAN KAKITANGAN BERTUKAR MASUK DI JPSP

BIL	NAMA	GAMBAR	JAWATAN	TARIKH MASUK/ TARIKH KELUAR	DARI
1.	NUR SYAFFRINA BINTI ZAKARIA		PENOLONG AKAUNTAN / W29	01.01.2021 <i>MASUK</i>	PEJABAT PERUMAHAN PULAU PINANG - BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
2.	IR. MOHAMAD HAFIZUL BIN HAMID		JURUTERA AWAM / J44	04.01.2021 <i>MASUK</i>	JPS MALAYSIA - PEMBANGUNAN KORPORAT JPSP
3.	IR. MUHAMMAD ZAMRI BIN UZNI		JURUTERA AWAM / J41	04.01.2021 <i>MASUK</i>	JPS KELANTAN - JPS DTL
4.	AHMAD KAMIL BIN JAMALUDIN		JURUTERA AWAM / J52	04.10.2021 <i>MASUK</i>	JPS MALAYSIA - PENGAIRAN & SALIRAN JPSP
5.	SYAZA AMIRAH BINTI SHARIHIN		PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) / JA29 - KONTRAK	04.01.2021 <i>MASUK</i>	PEJABAT PERUMAHAN PULAU PINANG - BAHAGIAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL JPSP
6.	VIGNESWARAN A/L SUPPIAH		PENOLONG JURUTERA / JA29	04.01.2021 <i>MASUK</i>	JKR SPU - JPS DTL
7.	ANUAR BIN AHMAD		PEMBANTU AWAM / H11	04.01.2021 <i>MASUK</i>	JKR SPS - JPS SPS
8.	ABDUL RASHID BIN HAMAD		PEMBANTU AWAM / H14	01.02.2021 <i>MASUK</i>	JKR SPT - JPS SPS
9.	KHAIRIL NIZAM BIN JOHARI		PEMBANTU AWAM / H14	01.02.2021 <i>MASUK</i>	PEJABAT PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG - JPS SPT








BIL	NAMA	GAMBAR	JAWATAN	TARIKH MASUK/ TARIKH KELUAR	DARI
10.	NURDILAH BINTI MOHAMMAD IDRIS		PENOLONG JURUTERA / JA29	01.03.2021 <i>MASUK</i>	JKRPP - JPS DTL
11.	MD SANI BIN MD SHARIF		PEMBANTU AWAM / H14	17.05.2021 <i>MASUK</i>	JABATAN PERHUTANAN - JPS DTL
12.	SYED MUHAMMAD ANAS FITRI BIN SYED ROSLI		PEMBANTU AWAM / H11	21.06.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	21.06.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
13.	MUHAMAD HAFIZ BIN ABDUL MUTALIB		PEMBANTU AWAM / H11	21.06.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	21.06.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
14.	MUHAMMAD SYAFIYUDDIN BIN SHAFIET		PEMBANTU KEMAHIRAN / H19	05.07.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	05.07.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
15.	NOORHUZAIME BIN MD NOOR		PENOLONG JURUTERA / JA29	11.08.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	11.08.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
16.	MUHAMMAD IDWAN BIN SHUKOR		PENOLONG JURUTERA / JA29	11.08.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	11.08.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
17.	NOR RAIHANA BINTI RAMLI		PENOLONG JURUTERA / JA29	11.08.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	11.08.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
18.	MUHAMMAD ZULFIQAR BIN ABDUL RAHMAN		PEMBANTU AWAM / H11	02.11.2021 <i>MASUK</i>	02.11.2021 <i>MASUK</i>

BIL	NAMA	GAMBAR	JAWATAN	TARIKH MASUK/ TARIKH KELUAR	DARI
19.	MOHD SHAUKHI BIN MD ZARI		PEMBANTU AWAM / H11	02.11.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	02.11.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
20.	MOHD HASFAZLEE BIN HASIM		PEMBANTU AWAM /H11	01.11.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	02.11.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
21.	ALIF DANIAL BIN ZAINOL ROKIP		PENOLONG JURUTERA / W29	01.12.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>	01.12.2021 <i>LANTIKAN BARU</i>
22.	MUHAMMAD HAKIMI BIN ABDUL HAMID		PENOLONG JURUTERA / JA29	15.12.2021 <i>MASUK</i>	JKR DBD - PENGAIRAN & SALIRAN JPSP

SENARAI PEGAWAI DAN KAKITANGAN BERTUKAR KELUAR DI JPSPP

BIL	NAMA	GAMBAR	JAWATAN	TARIKH MASUK/ TARIKH KELUAR	DARI
1.	ZARINA BINTI ADNAN		PENOLONG JURUTERA / JA29	01.03.2021 <i>KELUAR</i>	JPS DTL - JKR SPS
2.	SUHAIIDA BINTI CHE YOP		PENOLONG JURUTERA / JA29	11.08.2021 <i>KELUAR</i>	JPS PENGURUSAN BANJIR - JKRPP
3.	IR. FAIZAL ASHRAF BIN IBRAHIM		JURUTERA AWAM / J52	04.10.2021 <i>KELUAR</i>	PENGAIRAN & SALIRAN JPSPP - JPS MALAYSIA
4.	YOGENDREN A/L GANAPATHY		JURUTERA AWAM / J44	29.11.2021 <i>KELUAR</i>	PENGURUSAN BANJIR JPSPP - JPS TELUK INTAN (PERAK)
5.	NUR SYAFFRINA BINTI ZAKARIA		PENOLONG AKAUNTAN / W29	01.12.2021 <i>KELUAR</i>	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN JPSPP - JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR PULAU PINANG
6.	MOHD SUHAIMI BIN SUAIT		PENOLONG JURUTERA / W29	01.12.2021 <i>KELUAR</i>	PENGAIRAN & SALIRAN JPSPP - JKR SPT

SENARAI PEGAWAI DAN KAKITANGAN BERSARA DI JPSPP

BIL	NAMA	GAMBAR	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1.	MD YAZID BIN BAHARUM		PENOLONG JURUTERA / JA29	24.01.2021
2.	MURUGAN A/L RAMASAMY		PEMBANTU AWAM / H11	01.05.2021
3.	MUSHAPAK BIN MOHAMMAD TAHIR		PEMBANTU AWAM / H14	01.07.2021
4.	ZULKIFLI BIN MD YUSOF		PEMBANTU AWAM / H11	22.09.2021
5.	IHSAN BIN ISHAK		PEMBANTU AWAM / H11	16.10.2021
6.	GUNASAGARAN A/L S KUTHAYA		PEMBANTU AWAM / H11	31.10.2021
7.	MAHENDRAN A/L LAYYAWOO		PEMBANTU AWAM / H11	10.12.2021





SIDANG REDAKSI



IR. ZAINUDDIN BIN YUSOFF
PENAUNG



MOHD NAZARUDDIN BIN GHAZALI
PENGERUSI



IR. HAFIZUL BIN HAMID
KETUA EDITOR



ALVEE BIN AZAHAM
SIDANG EDITOR



NURUL AINI BINTI ABDUL RAHMAN
BKOR



ZARINEE BINTI UMAR
BKP



SUHAIDA BINTI ISHAK
BKP



MOHD SHUKRI BIN ZAKARIA
BSAH & ASET



NOR HIDAYAH BINTI RAMLI
BPS



HASLIZAM BIN ALI
BUBK



HASNAL BIN MD ROUSE
BPB



MUHAMAD AZMAN BIN HUSSANI
@HUSSAIN
BSP



ROSIDAH BINTI ISMAIL
BPME



KADJAH BINTI MOHAMED
SPU



MOHD HELMI BIN ISHAK
SPS



NOR AINUN BINTI MANSOR
SPT



WAN NURULHISYAM BIN WAN SAM
DBD



SARIPAH BINTI YAAKUB
DTL



NORHAFINI BINTI MOHAMAD NOOR
KELAB



MOHAMAD ASHRAF BIN ABU BAKAR
JURUFOTO






**“ PERJALANAN BERIBU BATU,
BERMULA DARI LANGKAH PERTAMA**
Integriti, bermula dari sendiri ”

 didpenang@water.gov.my

 <http://jps.penang.gov.my/index/php/en/>

 JPS-penang-112279431511696